



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/6/2011



PKR pandang ke Turki dan isu pakaian protokol di DUN

BLOG *Gelagat Anwar* (gelagatanwar.wordpress.com) mendedahkan bahawa dalam konvensyen pilihan raya Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Rapat Anak Muda parti itu baru-baru ini, ketua umumnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan pentingnya PKR mengambil semangat parti AK di Turki pimpinan Recep Tayyip Erdogan. Bagi Anwar, Erdogan adalah lambang kejayaan seorang ahli politik serta mempunyai persamaan dengan beliau sendiri.

Bagaimanapun, kata blog itu, satu hal yang tidak pernah diberitahu Anwar kepada ahli PKR mengenai kesungguhan Erdogan mahu menukar perlembagaan jika mendapat kepercayaan penuh rakyat serta usaha Perdana Menteri Turki itu yang menyokong pembentukan Republik Perancis di Turki.

"Anwar tidak berlaku jujur kepada (peserta) konvensyen pilihan raya PKR bahawa memang niatnya menjadikan Malaysia sebuah republik. Kita bangkitkan lagi isu ini kerana memang hakikatnya begitu. Anwar mahu menjadi Erdogan kepada Malaysia.

"Anwar juga tidak menceritakan bagaimana - akibat mabuk kuasa, Erdogan pernah mahu menggunakan mahkamah sebagai tempat melantik kalangan orang kepercayaan. Erdogan pernah berkrisis dengan mahkamah kerana mahukan kuasa untuk melantik hakim dipusatkan kepada dirinya," katanya.

Bagaimanapun, kata blog ini, Anwar perlu sedar bahawa antara beliau dan Erdogan begitu jauh berbeza dari sudut karisma kerana Erdogan tidak pernah berhadapan dengan dakwaan seks luar tabii dan lain-lain skandal manakala Anwar pula tidak sepi dengan pelbagai kisah peribadi yang me-

rosakkan karismanya selama ini.

Azrinizam Ibrahim (anginperubahan.blogspot.com) pula mengulas pandangan anak Anwar, Nurul Izzah yang menggesa kerajaan Malaysia menuhi sistem pilihan raya Turki yang disifatkannya lebih telus dan bersih berbanding di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, jelas pandangan Nurul Izzah adalah penilaian peribadi dan bersifat politik memandangkan berdasarkan kajian oleh Economy Intelligence Unit, The Economist dalam Democracy Index 2010, kedudukan demokrasi di Malaysia jauh lebih baik berbanding Turki.

Menurut kajian tersebut, Malaysia berada pada kedudukan ke-71 berbanding Turki yang berada pada ranking ke-89 dengan penglibatan parti politik di Malaysia lebih baik dengan markah 5.56 berbanding di Turki yang hanya mendapat 3.89.

"Malah dari segi budaya politik di Malaysia mendapat markah 6.25 berbanding Turki yang hanya 5 markah. Dari segi kebebasan awam, Malaysia mendapat markah lebih tinggi iaitu 5.88 berbanding 4.71 bagi Turki.

"Perbandingan ini adalah dibuat oleh satu unit penyelidikan dan kajian bebas antarabangsa, tentunya ia satu kajian yang lebih telus berbanding penilaian Nurul Izzah dan Saifuddin Nasution," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga berada dalam kedudukan lebih baik berbanding Singapura yang berada pada kedudukan ke-82 dan ranking Malaysia itu meningkat 10 anak tangga pada 2010 berbanding 2006.

"Norway, Iceland, Denmark, Sweden dan New Zealand yang berada di kedudukan lima teratas tidak memerlukan pun perhimpunan seperti Bersih untuk meletakkan mereka pada kedudukan tersebut. Apa yang diperlukan adalah kerjasama daripada setiap rakyat untuk memastikan Malaysia lebih aman, makmur dan sejahtera," katanya.

Sementara itu blog *Kuku Kaki Ampang* (kukukakiampang.blogspot.com) pulamendedahkan dakwaan satu-satunya anak lelaki Anwar, Ihsan telah menyatakan hasrat untuk menyertai UMNO selepas dikatakan kecewa dengan bapanya.

"Ihsan jarang-jarang kita jumpa dalam media politik. Ihsan anak lelaki Anwar yang tak sukakan publisiti dan kurang senang dengan apa yang berlaku di dalam kemelut yang melanda keluarganya terutama papanya yang nakal dan tak sudah-sudah dengan kontroversi dan skandal seks.

"Khabarnya budak muda anak Anwar Ibrahim ini ada menyatakan hasratnya untuk menyertai UMNO di peringkat Pemuda di Selangor. Buat masa ini beliau hanya berhasrat untuk menjadi ahli biasa sahaja,"

kata blog tersebut.

Malangnya, katanya, ramai kalangan penyokong dan pengikut bapanya mengangap Ihsan kurang siaman, berada dalam keadaan tertekan dan pelbagai tohmahan lain yang menjadi penyebab dia mahu menyertai UMNO.

Beberapa blog pula membidas tindakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP yang tidak mengenakan pakaian protokol rasmi ketika majlis pembukaan sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak oleh Yang Dipertua Negeri baru-baru ini.

Blog *Rajahmas* (rajahmas.blogspot.com) berkata, jelas sekali DAP cuba menunjukkan sikap anti-Islamnya yang melampau walaupun belum berkuasa dengan mengangap pemakaian songkok adalah tindakan menafikan kebebasan beragama dan membazir wang rakyat.

"DAP Sarawak tidak pernah belajar sejarah dan berusaha untuk mengubahnya supaya rakyat lupa siapa pemimpin yang membela mereka di negeri ini. Songkok bukan lambang keagamaan malah bukan berasal daripada negara Arab pun. Pemakaian songkok hanyalah sebagai pakaian seragam, seperti mana pasukan pengakap dengan topi mereka.

"Sebab itulah mata pelajaran Sejarah dan Sivik itu penting tetapi (ia) tidak dipandang (oleh) puak DAP. Disebabkan itu, mereka mengaitkan songkok dengan isu kebebasan beragama," katanya.

Katanya, alasan membazir wang rakyat yang diberikan oleh DAP itu hanya sekadar provokasi politik dan mereka patut sedar bahawa barang kemas peribadi yang mereka pakai jauh lebih mahal berbanding pakaian

protokol tersebut.

"Kalau tak suka dengan sistem dan peraturan sidang DUN, lebih baik tak usah sibuk nak hadirkan diri. Setakat yang kita tahu, DAP tidak menyumbang apa-apa kebijakan pun kepada rakyat bumiputera di negeri ini selain pembangunan oleh kerajaan negeri," katanya.

Blog *Suara Anak Jawa* (anakcucujawa.blogspot.com) pula berkata, tindakan Pas yang menyalahkan UMNO ekoran keengganan wakil rakyat DAP di Sarawak yang enggan memakai pakaian protokol ketika pembukaan sidang DUN negeri itu jelas menunjukkan pemimpin parti itu tidak bertanggung jawab dan sering menyalahkan orang lain.

Katanya, Pas tidak sewajarnya menyalahkan UMNO dan kerajaan tentang adat resam kerana masalah tersebut tidak pernah berlaku di kalangan wakil rakyat sebelum ini, melainkan dicituskan oleh ADUN-ADUN pakatan pembangkang sejak pilihan raya umum lalu.

"Puak Pas ini, sejak bergabung dengan DAP dan PKR, makin terserlah sebagai aset untuk bergaduh sesama Melayu. Sedangkan aset yang DAP pegang itu sebenarnya adalah liabiliti yang tak nampak pada mata kasar. Itulah sikap DAP yang memusnahkan perpaduan sesama Melayu Islam untuk mencapai hasratnya.

"Benar, Cina (DAP) sudah faham Islam (kata puak Pas). Dia faham bahawa Allah menyuruh Islam bersatu agar lebih kuat dan itu yang mereka gunakan untuk menghancurkan Melayu Islam agar kita tidak bersatu dan menjadi kuat," katanya.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my